

# MENEROKA STRATEGI KEBOLEHPEKERJAAN GRADUAN DALAM BIDANG TERAPI KECANTIKAN DAN SPA

## EXPLORING GRADUATE EMPLOYABILITY STRATEGIES IN THE FIELD OF BEAUTY THERAPY AND SPA

Ifa Herliani binti Ismail<sup>1\*</sup>

Md. Baharuddin bin Haji Abdul Rahman<sup>2</sup>

<sup>1</sup> School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Minden, Penang, Malaysia  
(E-mail: ifaherliani@student.usm.my)

<sup>2</sup> School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Minden, Penang, Malaysia  
(E-mail: mdbahar@usm.my)

### Article history

Received date : 5-3-2025  
Revised date : 6-3-2025  
Accepted date : 29-3-2025  
Published date : 25-4-2025

### To cite this document:

Ismail, I. H., & Abdul Rahman, M. B. (2025). Meneroka strategi kebolehpekerjaan graduan dalam bidang terapi kecantikan dan Spa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (72), 166- 176.

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi kebolehpekerjaan dalam kalangan graduan Kursus Terapi Kecantikan dan Spa melalui kaedah Nominal Group Technique (NGT). Dari segi peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan bidang kemahiran, adalah penting untuk mengenal pasti strategi berkesan yang boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka. Seramai 7 pakar yang berpengalaman dalam bidang latihan industri Terapi Kecantikan dan Spa dari beberapa Kolej Komuniti di zon utara dan juga zon selatan d mana kolej tersebut menawarkan kursus Terapi Kecantikan dan Spa telah terlibat sebagai peserta kajian. Kaedah NGT digunakan bagi memperoleh pandangan yang berstruktur dan menyeluruh mengenai strategi yang dianggap paling relevan dan praktikal oleh pakar sendiri. Proses NGT dijalankan dalam empat sesi berasingan, merangkumi fasa penjanaan idea, perkongsian, perbincangan, dan pemeringkatan. Hasil kajian menunjukkan empat strategi utama yang dikenal pasti oleh pakar iaitu: latihan amali, penguasaan kemahiran teknikal, kemahiran insaniah serta sokongan elemen keusahawanan. Dapatan ini mencerminkan keperluan untuk memperkuuh pendekatan pembelajaran yang holistik, merangkumi aspek teknikal dan bukan teknikal, selari dengan kehendak industri semasa. Kajian ini mencadangkan supaya pihak institusi pendidikan dan pembuat dasar memberi perhatian terhadap strategi-strategi ini dalam merangka kurikulum serta program intervensi yang lebih berfokus kepada kebolehpekerjaan. Secara keseluruhan, penggunaan teknik NGT berjaya menyediakan platform efektif untuk mengenal pasti keutamaan strategi daripada perspektif pakar sendiri, sekali gus menyumbang kepada pembangunan modal insan yang lebih bersedia memasuki pasaran kerja.

**Kata Kunci:** TVET, Terapi Kecantikan dan Spa ,latihan amali, penguasaan kemahiran teknikal, kemahiran insaniah, keusahawanan

**Abstract:** This study aims to explore employability strategies among graduates of the Beauty Therapy and Spa course through the application of the Nominal Group Technique (NGT). In light of the rising unemployment rates among graduates of vocational fields, it is crucial to identify effective strategies that can enhance their marketability. A total of seven experts with extensive experience in industrial training related to Beauty Therapy and Spa from several Community Colleges located in the northern and southern zones—where such courses are offered—participated in the study. The NGT method was employed to obtain structured and comprehensive insights into strategies deemed most relevant and practical by the experts themselves. The NGT process was conducted over four separate sessions encompassing the stages of idea generation, sharing, discussion, and prioritisation. The findings revealed four key strategies identified by the experts: hands-on training, mastery of technical skills, soft skills development, and the integration of entrepreneurial elements. These findings reflect the need to strengthen a holistic learning approach that encompasses both technical and non-technical aspects in alignment with current industry demands. The study recommends that educational institutions and policymakers place greater emphasis on these strategies when designing curricula and targeted intervention programmes aimed at enhancing graduate employability. Overall, the use of the NGT method proved effective in providing a platform for identifying strategic priorities from the perspective of industry experts, thereby contributing to the development of human capital that is more adequately prepared to enter the workforce.

**Keywords:** TVET, Beauty Therapy and Spa, Practical training, technical skills, Soft skills, Entrepreneurship

## Pengenalan

Industri Terapi Kecantikan dan Spa merupakan antara bidang perkhidmatan yang berkembang pesat di Malaysia, seiring dengan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan diri, kesihatan holistik dan kesejahteraan mental. Trend ini telah mendorong peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan Terapi Kecantikan dan Spa, seterusnya mewujudkan keperluan terhadap tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Pekerja dalam industri ini bukan sahaja perlu menguasai kemahiran teknikal yang berkaitan dengan rawatan kecantikan dan spa, malah perlu memiliki kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan, empati, kerjasama serta kebolehan menyelesaikan masalah secara profesional. Dalam konteks Technical and Vocational Education and Training (TVET), elemen keusahawanan juga menjadi keperluan penting untuk melahirkan graduan yang bukan sekadar pencari kerja, malah pencipta peluang pekerjaan dalam industri ini (Nayan & Nayan, 2024; Roslan et al., 2023; Musa & Zulkifli, 2022). Oleh itu, strategi kebolehpekerjaan pelajar dalam bidang kecantikan dan spa perlu dirancang secara menyeluruh, melibatkan sinergi antara latihan teknikal, pemantapan kemahiran insaniah dan pendedahan kepada dunia keusahawanan.

Tambahan pula, perkembangan teknologi digital turut memberi kesan besar terhadap struktur latihan dan kebolehpasaran graduan dalam bidang ini. Penggunaan teknologi seperti sistem pengurusan spa, perisian rawatan estetik, dan Augmented Reality (AR) mampu meningkatkan keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teknologi ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik, tetapi ia juga membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri dan memperoleh kemahiran praktikal yang diperlukan oleh industri. (Suyitno et al., 2025; Halim et al., 2020). Kajian oleh Ibrahim dan Nashir (2022) turut menekankan bahawa integrasi teknologi dalam latihan TVET dapat meningkatkan efikasi kendiri dan kebolehpekerjaan pelajar secara signifikan. Justeru, strategi kebolehpekerjaan dalam bidang spa

dan terapi kecantikan perlu menggabungkan kemahiran insaniah, keusahawanan dan penguasaan teknologi digital secara seimbang dan bersepadu. Pendekatan ini penting dalam usaha untuk menghasilkan graduan yang kreatif, mahir dan berdaya saing di peringkat tempatan dan global.

### Objektif

Untuk mengenalpasti strategi kebolehpekerjaan graduan dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa

### Kajian Literatur

#### Kebolehpekerjaan Graduan TVET

Kebolehpekerjaan graduan TVET telah menjadi aspek utama dalam pembangunan modal insan negara, terutamanya dalam konteks Malaysia yang sedang giat membangunkan sektor pendidikan teknikal dan latihan vokasional. Menurut Zainudin et al. (2024), kebolehpekerjaan graduan tidak hanya ditentukan oleh kemahiran teknikal semata-mata, tetapi juga bergantung kepada keupayaan graduan untuk mengadaptasi diri dalam dunia pekerjaan yang mencabar dan dinamik. Model kebolehpekerjaan yang berdaya tahan perlu menggabungkan latihan amali yang sistematik, pendedahan kepada industri, sokongan pembangunan kerjaya dan pengiktirafan profesional. Pendekatan holistik ini membolehkan pelajar membina kepercayaan diri dan membentuk identiti vokasional yang mantap.

Dalam konteks TVET, pelaksanaan program pembelajaran berdasarkan kerja (work-based learning) dilihat sebagai strategi berkesan dalam memantapkan kebolehpekerjaan pelajar. Suyitno et al. (2025) menyatakan bahawa pendedahan kepada persekitaran kerja sebenar dapat meningkatkan kemahiran praktikal dan efikasi kendiri pelajar. Pelajar yang menjalani latihan industri cenderung untuk membina kemahiran adaptif, meningkatkan kefahaman terhadap keperluan majikan, serta mengukuhi kemahiran interpersonal. Kajian oleh Ibrahim dan Nashir (2022) juga mendapati bahawa pelajar yang melalui proses latihan industri secara konsisten menunjukkan keyakinan dan prestasi kerja yang lebih tinggi apabila menyertai dunia pekerjaan sebenar.

#### Kepentingan Kemahiran Insaniah

Kemahiran insaniah telah dikenal pasti sebagai elemen kritikal dalam memastikan kejayaan graduan TVET, khususnya dalam industri perkhidmatan seperti Terapi Kecantikan dan Spa yang memerlukan interaksi langsung dengan pelanggan. Menurut Haslee Sharil et al. (2024), ramai graduan TVET yang gagal memenuhi jangkaan industri disebabkan kurangnya pendedahan kepada kemahiran komunikasi, pengurusan emosi dan pemikiran kritis semasa di institusi pengajian. Graduan menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan keperluan persekitaran kerja sebenar akibat kelemahan kemahiran insaniah ini. Ini kerana ia sering memerlukan kecekapan interpersonal dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam masa nyata.

Dalam hal ini, pengintegrasian kemahiran insaniah ke dalam kurikulum TVET adalah sangat penting. Nayan dan Nayan (2024) mencadangkan pendekatan pengajaran yang menyeluruh yang menggabungkan aspek teknikal dengan latihan kemahiran insaniah secara sistematik. Ini termasuklah aktiviti ko-kurikulum, simulasi perkhidmatan pelanggan dan sesi reflektif kendiri bagi membina keyakinan pelajar. Musa dan Zulkifli (2022) turut menyatakan bahawa majikan masa kini lebih cenderung untuk memilih graduan yang menunjukkan kecekapan dalam

kemahiran insaniah seperti kepimpinan, ketahanan tekanan dan kemampuan bekerja dalam pasukan berbanding sekadar keupayaan teknikal semata-mata.

### Pendidikan Keusahawanan sebagai Strategi Kebolehpekerjaan

Pendidikan keusahawanan merupakan satu strategi penting dalam meningkatkan daya saing graduan TVET, terutama dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa yang mempunyai potensi keusahawanan yang tinggi. Menurut Nayan dan Nayan (2024), pelajar yang didedahkan kepada elemen keusahawanan sejak awal pengajian cenderung untuk membina minat dan keberanian untuk menjalankan perniagaan sendiri. Latihan keusahawanan ini bukan sahaja memberi pelajar pengetahuan tentang pengurusan perniagaan dan pemasaran, tetapi juga membentuk sikap berdaya tahan, kreatif dan inovatif—satu kelebihan penting dalam pasaran kerja moden yang sentiasa berubah.

Kajian oleh Ibrahim, Jamaludin, dan Othman (2021) menunjukkan bahawa integrasi pendidikan keusahawanan dalam institusi TVET telah memberikan impak positif terhadap pembentukan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pelajar TVET yang memiliki latar belakang kemahiran teknikal yang kukuh dan diperkasa dengan pemikiran keusahawanan mempunyai potensi yang lebih besar untuk mencipta peluang pekerjaan sendiri serta menyumbang kepada ekonomi gig dan keusahawanan mikro. Ini seterusnya menyokong aspirasi Malaysia ke arah pembangunan ekonomi yang lebih inklusif dan berdaya saing melalui penglibatan aktif golongan belia dalam keusahawanan.

### Integrasi Teknologi dalam Latihan Kecantikan

Perkembangan teknologi digital telah mengubah landskap industri Terapi Kecantikan dan Spa, menjadikan penguasaan teknologi sebagai satu keperluan dalam latihan vokasional. Dalam era Revolusi Industri 4.0, penggunaan peralatan moden, sistem rawatan berkomputer, serta aplikasi digital seperti Augmented Reality (AR) semakin menjadi kebiasaan dalam perkhidmatan spa dan estetik. Menurut Suyitno et al. (2025), pelajar yang dilatih menggunakan teknologi berdasarkan AR menunjukkan peningkatan dari segi keyakinan, kemahiran praktikal dan keupayaan untuk membuat keputusan dalam situasi kerja sebenar.

Selain itu, Halim et al. (2020) mendapati bahawa penggunaan teknologi seperti AR dalam latihan TVET boleh meningkatkan keterlibatan pelajar dan memberi mereka pengalaman pembelajaran yang lebih mendalam. Teknologi ini membolehkan simulasi rawatan dilakukan dalam suasana yang menyerupai realiti, sekaligus mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan dengan lebih berkesan. Oleh itu, kurikulum dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa harus sentiasa dikemas kini selaras dengan kemajuan teknologi industri bagi memastikan graduan yang dilahirkan memiliki kemahiran yang relevan dan berdaya saing di pasaran kerja global.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) sebagai pendekatan utama dalam pengumpulan data. Seramai tujuh orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa dan Pegawai Latihan Industri dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa yang telah terlibat dalam kajian ini. Memandangkan pakar berada dalam zon yang berbeza, maka penyelidik telah menjalankan sesi NGT secara dalam talian melalui platform Google Meet. Sesi perbincangan berlangsung selama dua jam setengah, di mana para pakar telah menyertai sesi sumbang saran berstruktur menggunakan kaedah NGT bagi menjana idea serta mengenal pasti strategi dan cadangan penyelesaian yang sesuai berdasarkan pandangan

profesional mereka terhadap kebolehpekerjaan graduan Terapi Kecantikan dan Spa. Pada akhir sesi, penyelidik telah melaksanakan pengiraan khusus berdasarkan prosedur NGT bagi memperoleh daptan yang menjawab kepada objektif kajian ini.

### Langkah teknik NGT

NGT ialah satu proses metodologi yang mengenal pasti pandangan bersama dalam kalangan sekumpulan individu terhadap sesuatu topik tertentu. Ia pada asalnya diperkenalkan sebagai ‘teknik penyertaan untuk situasi perancangan sosial’ (Delbecq, Van de Ven, dan Gustafson 1975, hlm. 108); di mana situasi perancangan sosial ditakrifkan sebagai: kajian eksploratori; penglibatan masyarakat; penggunaan pakar pelbagai disiplin; dan semakan cadangan. Teknik ini kemudiannya telah digunakan dalam pelbagai situasi berkumpulan, termasuk penyelidikan empirikal dalam sains sosial. Walaupun kaedah ini telah digunakan dalam penyelidikan pendidikan (O’Neil dan Jackson 1983; Lomax dan McLeman 1984; Lloyd-Jones, Fowell, dan Bligh 1999; MacPhail 2001), dalam konteks penyelidikan sains sosial, ia lebih kerap digunakan dalam bidang kajian kesihatan.

NGT merupakan satu proses yang sangat berstruktur merangkumi empat fasa utama:

- Menjana idea secara bebas sebagai respons kepada soalan rangsangan.
- Berkongsi dan menyenaraikan idea tersebut secara giliran tanpa sebarang perbincangan.
- Menjelaskan setiap idea secara individu seterusnya mengumpulkan idea-idea yang serupa.
- Mengundi secara individu untuk menentukan keutamaan idea.

Satu sesi NGT lazimnya mengambil masa antara 1½ hingga 2 jam (Gibson dan Soanes 2000) dan melibatkan antara 5 hingga 10 orang peserta (Delbecq, Van de Ven, dan Gustafson 1975; O’Neil dan Jackson 1983). Peranan penyelidik dalam NGT ialah sebagai fasilitator, sekali gus meminimumkan pengaruh terhadap data (Lloyd-Jones, Fowell, dan Bligh 1999). Lomax dan McLeman (1984) merujuk kepada ‘kesejagatan pengetahuan penyelidik’ (hlm. 184) dalam banyak kaedah penyelidikan di mana andaian penyelidik dikenakan melalui cara soalan dibentuk dan respons dikodkan. Hal ini diminimumkan dalam NGT kerana proses pengorganisasian, pengkategorian dan penentuan keutamaan respons digerakkan oleh ahli kumpulan itu sendiri. Namun begitu, pembentukan soalan rangsangan adalah aspek yang amat penting bagi kejayaan teknik ini dan penyelidik perlu jelas tentang apa yang ingin dikenal pasti melalui proses tersebut.

Dalam fasa awal, para peserta diminta untuk memikirkan dengan teliti dan mencadangkan inisiatif yang sesuai dan mampu dilaksanakan oleh pasukan bagi mengenalpasti strategi dan cadangan kebolehpekerjaan dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa. Penyelidik turut serta sebagai fasilitator dalam sesi NGT ini bagi tujuan demonstrasi kaedah. Setiap peserta diberikan kertas nota dan pen, dan diminta untuk menyenaraikan idea secara senyap dan bebas. Setelah semua peserta selesai, nota dikumpulkan melalui google link dan semua idea peserta dipindahkan ke dalam lembaran data Excel yang dipaparkan di skrin besar. Setiap idea kemudiannya dibincangkan oleh peserta yang mencadangkannya agar semua peserta jelas tentang maksud idea tersebut. Beberapa idea yang sangat serupa telah digabungkan.

Selepas proses penjanaan, penyenaraian dan penjelasan idea seperti yang diuraikan dalam langkah 1 hingga 3, para peserta diminta untuk menilai idea yang dipersejui mereka menggunakan sistem penilaian tiga kad yang dipermudahkan dan dibangunkan oleh penyelidik (langkah 4). Kaedah ini melibatkan pemberian tiga kad kecil berwarna kepada setiap peserta, yang mengandungi penarafan daripada satu hingga tiga nombor dan bintang pada setiap kad.

Peserta diminta menulis tiga idea yang dipersetujui pada kad tersebut. Prosedur biasa dalam NGT adalah setiap peserta menilai semua idea yang disenaraikan. Walau bagaimanapun, penyelidik yang lepas telah menggunakan sistem ini pada kajian sebelum ini dan mendapat bahawa kesilapan penilaian sering berlaku. Sebagai contoh, beberapa idea diberi penarafan yang sama, menyebabkan kekeliruan dalam urutan nombor keseluruhan.

### Sampel

#### **Jadual 1 menunjukkan latar belakang 7 orang pakar yang terlibat dalam kajian ini.**

**Latar belakang pakar adalah seperti berikut :**

Bil	Pakar	Bidang	Pengalaman Bekerja	Institusi
1	<b>Pakar 1</b>	<b>Terapi Kecantikan &amp; Spa</b>	<b>20 tahun</b>	<b>Kolej Komuniti Melaka</b>
2	<b>Pakar 2</b>	<b>Terapi Kecantikan &amp; Spa</b>	<b>10 tahun</b>	<b>Kolej Komuniti Kluang</b>
3	<b>Pakar 3</b>	<b>Terapi Kecantikan &amp; Spa</b>	<b>5 tahun</b>	<b>Kolej Komuniti Kluang</b>
4	<b>Pakar 4</b>	<b>Terapi Kecantikan &amp; Spa</b>	<b>15 tahun</b>	<b>Kolej Komuniti Sungai Petani</b>
5	<b>Pakar 5</b>	<b>Terapi Kecantikan &amp; Spa</b>	<b>18 tahun</b>	<b>Kolej Komuniti Pasir Gudang</b>
6	<b>Pakar 6</b>	<b>Fesyen &amp; Pakaian (Pegawai Latihan Industri)</b>	<b>16 tahun</b>	<b>Kolej Komuniti Batu Gajah</b>
7	<b>Pakar 7</b>	<b>Fesyen &amp; Pakaian (Pegawai Latihan Industri)</b>	<b>16 tahun</b>	<b>Kolej Komuniti Batu Gajah</b>

#### **Keputusan Analisa Dapatkan**

Items / Elements	Voter1	Voter2	Voter3	Voter4	Voter5	Voter6	Voter7	Total item score	Percentage	Rank	Voter Consensus
Latihan amali terapi kecantikan dan spa yan disediakan di institusi kemahiran membantu menyiapkan pelajar untuk bersedia dalam pasaran pekerjaan bidang Terapi Kecantikan dan Spa	3	3	3	3	3	3	3	21	100	1	Suitable
Kemahiran teknikal yang pelajar pelajari, seperti penggunaan peralatan kecantikan, memberikan mereka kelebihan dalam pasaran pekerjaan	3	3	3	3	3	3	2	20	95.24	2	Suitable
Kemahiran teknikal (contoh: penjagaan kulit, pengurusan spa) penting dalam meningkatkan kebolehpekerjaan pelajar Terapi Kecantikan dan Spa	2	2	3	3	3	3	3	19	90.48	3	Suitable
Kemahiran komunikasi dengan pelanggan penting dalam meningkatkan kebolehpekerjaan pelajar Terapi Kecantikan dan Spa	3	3	3	3	3	2	2	19	90.48	3	Suitable

Kemahiran pengurusan masa sebagai seorang terapis penting dalam meningkatkan kebolehpekerjaan pelajar Terapi Kecantikan dan Spa	3	2	2	3	3	3	3	19	90.48	3	Suitable
Kemahiran pengurusan perniagaan dan kemahiran pemasaran penting dalam meningkatkan kebolehpekerjaan pelajar Terapi Kecantikan dan Spa	3	3	3	3	3	3	3	21	100	1	Suitable
Kemahiran teknologi (contoh: penggunaan perisian pengurusan spa) penting dalam meningkatkan kebolehpekerjaan pelajar Terapi Kecantikan dan Spa	3	2	3	3	3	3	3	20	95.24	2	Suitable
Pelajar mengikuti latihan atau kursus tambahan di luar kurikulum rasmi institut kemahiran sedia ada bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam meningkatkan kebolehpekerjaan mereka dalam industri Terapi Kecantikan dan Spa	3	3	3	3	3	1	1	17	80.95	4	Suitable
Kurangnya pengalaman industri menjadi penyebab kepada kurangnya kebolehpekerjaan pelajar dalam industri Terapi Kecantikan dan Spa?	1	3	1	1	1	1	1	9	42.86	6	Not Suitable
Ketiadaan kemahiran tambahan seperti pemasaran atau pengurusan menjadi penyebab kepada kurangnya kebolehpekerjaan pelajar dalam industri Terapi Kecantikan dan Spa	1	1	2	1	2	1	3	11	52.38	5	Not Suitable
Pelajar lebih berminat untuk bekerja secara bebas (freelance) atau membuka salun kecantikan/spa sendiri selepas tamat pengajian	3	3	2	3	2	3	3	19	90.48	3	Suitable
Latihan tambahan dalam kemahiran teknikal, pengalaman kerja atau amali dan bimbingan dari profesional industri penting dalam menyokong pelajar untuk diterima dalam kebolehpekerjaan industri Terapi Kecantikan dan Spa	3	3	3	3	3	3	3	21	100	1	Suitable

### Analisis Dapatan Secara Naratif

Dapatan kajian ini telah dianalisis berdasarkan maklum balas daripada tujuh orang penilai melalui pendekatan *Nominal Group Technique* (NGT) yang menilai pelbagai elemen penting dalam meningkatkan kebolehpekerjaan graduan kursus Terapi Kecantikan dan Spa. Keputusan menunjukkan majoriti item dinilai sebagai sesuai (suitable), menggambarkan konsensus yang tinggi dalam kalangan penilai terhadap keperluan memperkuuh latihan kemahiran dan elemen sokongan lain dalam bidang ini.

Secara keseluruhan, tiga item telah memperoleh persetujuan penuh 100% daripada semua penilai. Pertama, latihan amali yang disediakan oleh institusi kemahiran dianggap sangat penting dalam membantu pelajar bersedia untuk menghadapi pasaran pekerjaan. Dapatkan ini menegaskan kepentingan pengalaman praktikal yang mendalam dalam latihan TVET, khususnya dalam sektor berorientasikan perkhidmatan seperti terapi kecantikan dan spa. Kedua, kemahiran pengurusan perniagaan dan pemasaran turut dikenalpasti sebagai faktor kritikal dalam meningkatkan kebolehpekerjaan. Ini selari dengan trend semasa yang menunjukkan semakin ramai graduan cenderung ke arah keusahawanan dalam industri kecantikan. Ketiga, latihan tambahan melalui bimbingan profesional, pengalaman industri dan kemahiran teknikal lanjutan turut dikenalpasti sebagai penyumbang utama terhadap kebolehpekerjaan, sekali gus menunjukkan keperluan untuk menjalin kerjasama strategik antara institusi TVET dan industri.

Selain itu, dua lagi item menerima skor tinggi sebanyak 95.24%, iaitu penilaian terhadap kemahiran teknikal khusus (seperti penggunaan peralatan kecantikan) serta kemahiran teknologi (penggunaan perisian pengurusan spa). Ini menunjukkan bahawa kemahiran praktikal dan penguasaan teknologi kontemporari dianggap penting dalam memperkuuh kebolehpekerjaan pelajar. Lima soalan tambahan masing-masing menerima skor 90.48%, masing-masing: kemahiran penjagaan kulit, kemahiran komunikasi dengan pelanggan, pengurusan masa, keinginan untuk bekerja secara bebas, dan sokongan latihan berstruktur. Ini menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja perlu mempunyai kemahiran teknikal, tetapi mereka juga perlu mempunyai kemahiran insaniah dan kecekapan pengurusan.

Walau bagaimanapun, satu item menunjukkan sedikit penurunan iaitu berkenaan kepentingan pelajar mengikuti kursus tambahan di luar kurikulum rasmi, dengan peratusan 80.95%. Walaupun masih dalam kategori "suitable", wujud sedikit ketidaksepakatan yang mungkin berpunca daripada faktor kos, masa, atau kekangan logistik yang dihadapi pelajar untuk mengikuti latihan tambahan.

Dalam pada itu, dua item yang dikategorikan sebagai "Not Suitable" iaitu "kurangnya pengalaman industri" (42.86%) dan "ketiadaan kemahiran tambahan seperti pemasaran atau pengurusan" (52.38%) dilihat kurang dipersejui sebagai penyebab utama ketidakupayaan graduan mendapatkan pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa penilai lebih cenderung melihat punca lain yang lebih signifikan dalam menentukan tahap kebolehpekerjaan pelajar, mungkin dari aspek sikap, tahap motivasi, atau kecenderungan pasaran kerja semasa.

Secara keseluruhan, dapatkan ini memberikan gambaran jelas bahawa aspek latihan amali, kemahiran teknikal, keusahawanan, dan penguasaan teknologi perlu diberi tumpuan dalam usaha memperkuuh kebolehpekerjaan graduan bidang terapi kecantikan dan spa. Dalam masa yang sama, elemen sokongan seperti latihan industri, bimbingan profesional dan peluang keusahawanan wajar dimasukkan dalam kurikulum sebagai nilai tambah kepada graduan.

### Perbincangan dan Kesimpulan

Dapatkan kajian ini memperlihatkan bahawa latihan amali, penguasaan kemahiran teknikal, kemahiran insaniah serta sokongan elemen keusahawanan merupakan aspek utama yang menyumbang secara langsung kepada peningkatan tahap kebolehpekerjaan graduan dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa. Semua penilai sebulat suara bersetuju bahawa latihan amali memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar benar-benar bersedia untuk memasuki alam pekerjaan. Kesepakatan ini memperkuuh kepercayaan bahawa pendidikan berdasarkan

amalan nyata adalah nadi kepada kejayaan pendekatan pendidikan teknikal dan vokasional. Ini selari dengan pandangan Ibrahim dan Nashir (2022) yang menegaskan bahawa pendidikan TVET perlu berteraskan kemahiran praktikal yang menyeluruh dan bersesuaian dengan keperluan industri semasa.

Selain itu, kemahiran pengurusan perniagaan dan pemasaran juga mendapat skor tertinggi dalam kalangan penilai. Ini menunjukkan bahawa dunia pekerjaan dalam bidang kecantikan bukan sahaja menuntut kebolehan dari segi teknikal, malah memerlukan kecekapan dari sudut keusahawanan dan kemahiran menjual perkhidmatan. Kajian oleh Norazah et al. (2023) menyatakan bahawa ramai graduan dalam bidang kecantikan cenderung memilih laluan kerjaya sendiri seperti membuka spa atau menjalankan perkhidmatan secara bebas (freelance), dan ini menuntut mereka untuk mahir dalam aspek perniagaan dan pemasaran digital. Maka, kurikulum semasa perlu diperkaya dengan modul keusahawanan yang bersifat praktikal dan relevan dengan cabaran sebenar dalam industri kecantikan masa kini.

Dapatkan turut menunjukkan bahawa kemahiran teknologi seperti penggunaan perisian pengurusan spa turut diiktiraf sebagai salah satu faktor yang penting dalam meningkatkan kebolehpekerjaan. Ini membuktikan bahawa pelajar bukan sahaja perlu terdedah kepada teknik rawatan konvensional, tetapi juga perlu diberi pendedahan kepada penggunaan teknologi moden dan sistem automasi yang semakin berkembang dalam industri perkhidmatan. Dalam kajian oleh Halim et al. (2020), didapati bahawa teknologi seperti *Augmented Reality* (AR) dan perisian khusus telah menunjukkan kesan positif dalam pembelajaran teknikal di institusi TVET. Oleh itu, integrasi teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukan lagi satu pilihan tetapi satu keperluan mendesak bagi memastikan graduan kekal relevan dan kompetitif.

Seterusnya, aspek kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan dengan pelanggan, pengurusan masa serta etika kerja turut mendapat perhatian yang tinggi daripada penilai. Ini mengukuhkan dapatan kajian oleh Ali et al. (2018) yang menegaskan bahawa kemahiran insaniah adalah pelengkap utama kepada kemahiran teknikal, terutamanya dalam sektor yang berasaskan perkhidmatan pelanggan seperti kecantikan dan spa. Pelajar yang cemerlang dalam aspek teknikal tetapi lemah dalam komunikasi atau pengurusan masa mungkin menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja sebenar yang dinamik dan berorientasikan pelanggan.

Menariknya, walaupun majoriti item dinilai sebagai sesuai (suitable), terdapat dua item yang mendapat skor rendah dan dikategorikan sebagai tidak sesuai (not suitable). Pertama, adalah tanggapan bahawa kekurangan pengalaman industri menjadi punca utama kepada ketidakupayaan pelajar untuk memperoleh pekerjaan. Skor yang rendah dalam item ini mencerminkan bahawa penilai tidak melihat kekurangan pengalaman industri sebagai satu faktor tunggal yang kritikal. Ini mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa sebahagian besar program TVET telah pun memasukkan elemen latihan industri ke dalam struktur kurikulum, sekaligus mengurangkan jurang antara teori dan amalan. Namun demikian, Justine dan Zakaria (2022) menegaskan bahawa kualiti latihan industri sangat bergantung kepada kerjasama industri dan komitmen majikan dalam memberikan peluang pembelajaran sebenar kepada pelajar.

Item kedua yang turut mencatatkan skor rendah ialah mengenai andaian bahawa ketiadaan kemahiran tambahan seperti pemasaran atau pengurusan menjadi penyebab utama ketidakbolehpasaran graduan. Ini mencadangkan bahawa penilai lebih cenderung untuk melihat

cabaran kebolehpekerjaan secara lebih menyeluruh, termasuk faktor seperti sikap pelajar, kurangnya keyakinan diri, atau persaingan dalam pasaran kerja. Dalam hal ini, kajian oleh Mohamad et al. (2021) menjelaskan bahawa walaupun pelajar mempunyai kelayakan teknikal yang baik, mereka masih perlu memperkuuh tahap efikasi kendiri dan daya tahan mental bagi menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang mencabar.

Satu lagi dapatan menarik ialah penekanan terhadap kepentingan pelajar mengikuti kursus tambahan di luar kurikulum rasmi. Walaupun item ini masih berada dalam kategori “suitable”, skor yang sedikit lebih rendah berbanding item lain mencadangkan adanya cabaran dalam pelaksanaan, antaranya kekangan masa, kos, atau ketidakupayaan institusi untuk menyediakan akses kepada latihan luar. Justeru, penglibatan agensi industri dan kerajaan dalam menyokong pembiayaan atau penawaran modul-modul pendek tambahan kepada pelajar perlu dipertimbangkan sebagai strategi sokongan kebolehpekerjaan yang holistik.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menggariskan betapa pentingnya pendekatan pendidikan yang holistik, yang merangkumi latihan praktikal, penguasaan teknologi, kemahiran insaniah dan keusahawanan dalam meningkatkan kebolehpekerjaan pelajar. Penambahbaikan kurikulum, sokongan latihan industri yang berkualiti, dan integrasi teknologi moden adalah langkah yang perlu diambil secara menyeluruh untuk memastikan graduan TVET dalam bidang kecantikan dan spa mampu bersaing dan bertahan dalam pasaran kerja yang kompetitif.

### Cadangan Kajian Akan Datang

Berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan keutamaan latihan amali, kemahiran teknikal, keusahawanan, dan penggunaan teknologi sebagai elemen utama dalam meningkatkan kebolehpekerjaan pelajar dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa, terdapat beberapa ruang penambahbaikan yang boleh diteroka oleh penyelidik masa hadapan. Kajian lanjutan dicadangkan untuk memperkuuh lagi kerangka kefahaman tentang keperluan industri serta keberkesanannya yang diberikan kepada pelajar dalam konteks sebenar pasaran kerja.

Pertama, satu kajian longitudinal disarankan untuk menelusuri perjalanan kerjaya graduan selepas tamat pengajian bagi menilai sejauh mana latihan amali dan kemahiran teknikal yang diperoleh semasa pengajian membantu mereka dalam kerjaya sebenar. Kajian seumpama ini boleh memberikan data empirikal berasaskan masa yang membantu mengenal pasti jurang antara latihan yang diberikan dan keperluan industri semasa (Jusoh et al., 2021). Melalui pendekatan ini, penyelidik boleh melihat keberkesanannya latihan jangka panjang dan bukan sekadar berdasarkan persepsi semasa pelajar atau tenaga pengajar.

Kedua, cadangan diberikan agar kajian kualitatif berfokuskan pengalaman pelajar ketika menjalani latihan industri dijalankan. Kajian ini dapat memberi gambaran lebih mendalam tentang kekuatan dan kelemahan pelaksanaan program latihan industri sedia ada, termasuk aspek bimbingan daripada mentor industri, kesesuaian tempat latihan dengan bidang kemahiran, dan kesediaan tempat latihan menyediakan pengalaman pembelajaran yang berkualiti (Kamaruddin et al., 2020).

Seterusnya, disarankan supaya kajian perbandingan antara institusi TVET yang menawarkan kursus terapi kecantikan dan spa dilaksanakan, bagi mengenal pasti amalan terbaik dalam pengajaran dan pemindahan kemahiran. Ini termasuk perbandingan dari segi silibus, kualiti pensyarah, hubungan dengan industri, serta kadar kebolehpasaran graduan. Kajian sedemikian

boleh memberikan data komprehensif untuk pembuat dasar menilai keberkesanan kurikulum dan pendekatan pengajaran dalam pelbagai institusi.

Akhir sekali, memandangkan kemajuan teknologi semakin pesat, satu kajian yang menilai pengaruh integrasi teknologi digital seperti perisian pengurusan spa atau Augmented Reality (AR) dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kemahiran praktikal wajar dijalankan. Kajian oleh Halim et al. (2020) menunjukkan potensi penggunaan teknologi realiti terimbuh dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam konteks TVET, yang berfokuskan kemahiran praktikal.

Secara keseluruhannya, cadangan kajian akan datang ini berpotensi memperluas pemahaman terhadap aspek-aspek yang menyumbang kepada kebolehpekerjaan graduan terapi kecantikan dan spa, serta menyumbang kepada pembangunan dasar TVET yang lebih mantap, inklusif dan berasaskan bukti.

## Rujukan

- Ali, E., Ahmad, S., & Ismail, M. (2018). Kebolehpasaran graduan pendidikan teknikal dan vokasional: Satu analisis. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 1–10.
- Halim, F. A., Wan Muda, W. H. N., Zakaria, N., & Samad, N. H. B. A. (2020). The potential of using augmented reality (AR) technology as learning material in TVET. *Journal of Technical Education and Training*, 12(1), 119–124. <https://doi.org/10.30880/jtet.2020.12.01.012>
- Ibrahim, R., & Nashir, I. M. (2022). Empowering TVET graduates: Exploring pathways to employment through industry-aligned skills. *TVET Journal Malaysia*, 6(1), 33–44.
- Ibrahim, R., & Nashir, I. M. (2022). The influence of self-efficacy and entrepreneurial intention on employability among vocational students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(6), 221–233. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i6/13862>
- Jusoh, M. Y. M., Ramli, N., & Ismail, Z. (2021). Keberkesanan latihan industri terhadap kebolehpasaran graduan dalam sektor kemahiran. *Jurnal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional*, 13(2), 22–31.
- Kamaruddin, N., Hassan, R., & Abdullah, S. (2020). Cabaran latihan industri dalam kalangan pelajar TVET: Satu tinjauan kes di Kolej Vokasional. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(10), 45–52.
- Musa, M. A., & Zulkifli, S. N. (2022). TVET graduates' readiness in soft skills and entrepreneurship for employment in service industries. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 27, 56–72.
- Nayan, M. S., & Nayan, N. (2024). Kemahiran insaniah dan keusahawanan dalam kalangan pelajar TVET: Satu pendekatan bersepada. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Roslan, S., Jamaluddin, S. N., & Yusof, H. (2023). Entrepreneurial competencies and soft skills among Malaysian polytechnic students. *Asian Journal of University Education*, 19(1), 155–166. <https://doi.org/10.24191/ajue.v19i1.221>
- Suyitno, S., Mulyati, S., & Kurniawan, D. A. (2025). Integration of augmented reality-based media in vocational education to improve student employability. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 20(2), 88–98.